

07 APR 1997

Mas-Kuwait

MAS CADANG TERBANG SEMULA KE KUWAIT

Oleh: Abdul Rahman Ahmad

KUWAIT, 7 April (Bernama) -- Penerbangan Malaysia (Mas) sedang dalam peringkat awal perbincangan dengan syarikat Penerbangan Kuwait untuk mengadakan semula perkhidmatan penerbangan antara kedua-dua negara.

Pengerusi Mas, Tan Sri Tajuddin Ramli berkata Penerbangan Malaysia berharap kerjasama itu nanti tidak hanya terhad kepada sektor Kuwait tetapi meliputi tempat lain seperti Kaherah.

Kerjasama penerbangan antara syarikat penerbangan kedua-dua syarikat itu terhenti berikutan Perang Teluk pada 1990, katanya kepada pemberita di sini.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan Malaysia dan Kuwait pada perbincangan dua hala bersetuju antara lain kerjasama syarikat penerbangan kedua-dua negara diwujudkan semula.

Tajuddin berkata walaupun Kuwait tidak lagi dianggap penting, namun Penerbangan Malaysia akan memikirkan cara untuk memastikan kerjasama itu akan menguntungkan.

Bagaimanapun, perkhidmatan penerbangan itu mungkin mengambil sedikit masa memandangkan syarikat Kuwait Airways menghadapi kekurangan pesawat berikutan peperangan dengan Iraq yang hampir memusnahkan negara berkenaan.

Katanya, Kuwait mampu menjadi sektor yang menguntungkan sekiranya ia membuka pintu kepada kawasan sebelah barat Arab Saudi kerana ini akan menjadikannya pintu masuk ke rantau berkenaan.

"Kuwait tidak sebegitu penting seperti dulu sebelum Perang Teluk berbanding dengan Dubai yang menyediakan peluang yang lebih menguntungkan disebabkan kedudukannya serta sambutan pelancong dunia kepada kawasan itu," katanya.

Tajuddin, yang mengetuai rombongan ahli perniagaan ke Kuwait, berkata satu seminar akan diadakan di sini bagi membantu ahli perniagaan Kuwait mengenalpasti peluang pelaburan di Malaysia.

Katanya, Bank Bumiputera dan Bank Islam telah diminta untuk menganjurkan seminar itu.

Mengenai langkah kerajaan India yang melarang syarikat penerbangan asing memegang saham dalam syarikat penerbangan domestik negara itu, katanya ia tidak memberi kesan kepada Penerbangan Malaysia.

"Kami bercadang menyalurkan pelaburan kita di India menerusi syarikat Malaysian Helicopter Services (MHS) untuk menaman modal dalam bidang lain yang memberi faedah kepada kita," katanya.

-- BERNAMA

ARA AHH